

26/01/2000

DEB lahir generasi angkuh?

Ramlan Abd Wahab

APAKAH pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diikuti oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah melahirkan generasi bangsa Melayu yang angkuh dan anti kerajaan? Soalan ini wajar difikir secara kritis dan dianalisis berikutan ulasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ruangnya di akhbar Jepun, Mainichi Daily News, baru-baru ini.

Menurut Perdana Menteri, hasil pelaksanaan DEB, bangsa Melayu telah memiliki 20 peratus daripada kekayaan ekonomi negara, beratus-ratus ribu berjaya mendapat ijazah dan ramai yang telah menguasai atau memiliki syarikat. Mereka kini menjadi terlalu yakin terhadap kebolehan masing-masing dan dengan itu berasa tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan yang telah memberi mereka peluang dan bantuan.

Malah, mereka tidak segan silu mengkritik kerajaan sewenang-wenangnya di samping menyokong tohmahan yang dilemparkan oleh negara asing kononnya kerajaan mengamalkan rasuah, kronisme dan tidak telus. Secara kuantitatif, kenyataan Dr Mahathir memang sukar dibuktikan.

Bagaimanapun, keputusan pilihan raya ke-10 pada November 1999 mengesahkan apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri. Misalnya, jumlah undi yang diperoleh calon Barisan Nasional (BN) di kawasan yang penduduknya terdiri daripada pengundi bangsa Melayu kelas atasan dan menengah, merosot dengan banyaknya.

Pelbagai faktor yang dikatakan menjadi pendorong kepada perubahan sikap yang drastik itu telah diajukan. Dalam kebanyakan kes, hanya kerajaan dipersalahkan. Malangnya, kerajaan jarang sekali diberi pujian apabila program atau perancangan yang dilaksanakan memenuhi cita rasa dan harapan mereka.

Sebaliknya segala faedah yang diperoleh dilupakan apabila ada program atau perancangan baru kerajaan yang secara relatif memberi kepuasan yang lebih tinggi kepada pihak lain. Golongan berkenaan lupa kepada faedah dan kepuasan yang telahpun mereka nikmati selama ini. Inilah hakikat yang jarang diakui oleh banyak pihak, terutama golongan kelas menengah dan atasan Melayu yang berubah sikap itu.

Malah, jika hakikat ini dikemukakan, golongan berkenaan akan menyanggahnya walaupun mereka sepatutnya membantu menyebarkan kefahaman mengenai dasar perkhidmatan dan pembangunan kerajaan kepada rakyat. Mereka inilah juga yang diharapkan dapat membantu kerajaan memperjelaskan matlamat dan objektif setiap program dan perancangan yang dilaksanakan supaya rakyat memahami hasrat kerajaan untuk membantu semua pihak, dan bukannya golongan tertentu saja. Malah, mereka diharapkan membantu kerajaan merealisasikan hakikat perkongsian kuasa dan ekonomi, selaras dengan persepsi dan penilaian makro pembangunan dan perkhidmatan kerajaan.

Berdasarkan persepsi dan penilaian makro, sudah pasti setiap perancangan dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak akan terfokus faedahnya kepada golongan tertentu saja dan faedah yang akan dinikmati pula tidak semestinya berbentuk kebendaan atau kewangan secara langsung.

Sebahagian besar daripada faedah itu juga tidak mungkin dinikmati secara spontan. Sebaliknya, faedah berkenaan wujud bukan secara langsung, misalnya kestabilan sosiopolitik, peluang pelaburan di dalam dan luar negara, kadar pertumbuhan dan produktiviti yang tinggi, sistem perkhidmatan yang cekap, insentif fiskal dan kewangan, pengurusan dan pembangunan kemanusiaan yang dinamik dan proaktif, keselamatan dan persekitaran mapan, pengurangan kadar inflasi dan mewujudkan peluang

pekerjaan.

Matlamat perkhidmatan dan pembangunan yang tidak berfokus kepada golongan rakyat atau individu tertentu perlu difahami oleh rakyat. Demikian juga hakikat bahawa faedah daripada perkhidmatan dan pembangunan makro hanya boleh dinikmati dengan merebut peluang yang disediakan. Ia bukan bersifat kebendaan.

Hakikat ini jugalah yang wajar dijadikan pedoman untuk menilai sesuatu program atau projek yang dilaksanakan oleh kerajaan. Misalnya, jika dinilai dari segi pelbagai peluang yang bakal wujud, maka komitmen kerajaan untuk membangunkan MSC adalah suatu langkah yang strategik dan wajar disokong. MSC bukan saja akan mewujudkan ribuan peluang pekerjaan dan pelaburan berasaskan kemahiran dan pengetahuan, tetapi juga menyediakan prasarana dan perkhidmatan sokongan yang secukupnya kepada mereka yang berminat menceburi secara aktif bidang teknologi maklumat (IT) multimedia pada peringkat tempatan atau antarabangsa.

Tetapi peluang ini sudah tentu tidak akan memberi faedah secara langsung kepada mereka yang sekadar menunggu "bulan jatuh ke riba" atau "rezeki datang bergolek". Bagaimanapun, akhirnya rakyat dapat juga menikmati faedah secara langsung melalui peruntukan Belanjawan tahunan kerana setelah MSC beroperasi sepenuhnya, pendapatan negara dijangka meningkat. Menurut Laporan Penggal Pertama Majlis IT Kebangsaan, dengan komitmen pelaburan sebanyak RM4 bilion setakat 1998, MSC dijangka memperoleh pendapatan digabungkan sebanyak RM15 bilion dengan keuntungan berjumlah RM5 bilion menjelang tahun kelima operasinya.

Projek mega wajar dinilai daripada perspektif yang sama. Misalnya, pembinaan Menara Berkembar KLCC, Menara Kuala Lumpur dan pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya bukan saja harus dinilai dari segi peluang pekerjaan dan perniagaan yang bakal wujud, tetapi juga sebagai kesempatan kepada pakar tempatan membuktikan keupayaan inovatif dan kreatif masing-masing, di samping menjadi mercu tanda untuk menarik pelancong.

Pada masa sama, kejayaan kerajaan memulihkan ekonomi negara adalah suatu kejayaan yang amat bermakna demi kemajuan dan kelangsungan bangsa dan negara. Sesiapapun tidak boleh menafikan bahawa kegawatan ekonomi mulai Julai 1997 menghapuskan kecemerlangan yang dicapai dalam bidang pembangunan ekonomi sejak pelaksanaan DEB.

Dalam menangani kegawatan ekonomi, kerajaan melaksanakan beberapa langkah pemulihan secara drastik dan membelakangi proses liberalisasi kewangan dan perdagangan bebas. Seperti yang dijangka, penganut doktrin perdagangan bebas mengutuk sekeras-kerasnya tindakan kerajaan terutama langkah mengawal pertukaran asing dan menurunkan kadar faedah.

Ada juga yang menuduh kerajaan mengkhianati ikrar untuk mematuhi kanun Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) yang mendaulatkan liberalisasi dan globalisasi sebagai prinsip perdagangan sejagat. Anehnya, pedagang mata wang yang rakus mengaut keuntungan segera tanpa mengindahkan kesengsaraan rakyat negara ini yang berpunca daripada tindakan mereka, tidak dipersalahkan. Negara maju mengiktiraf mereka sebagai ejen yang membanteras pelbagai bentuk penyelewengan ekonomi dan liberalisasi perdagangan, seperti kronisme, nepotisme, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Kini, terbukti tindakan berani menentang arus yang dilaksanakan secara bijaksana oleh kerajaan berjaya menyelamatkan maruah dan kedaulatan bangsa dan negara. Perangkaan terbaru menunjukkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar negara meningkat 8.1 peratus pada suku ketiga 1999 berbanding 4.1 peratus pada suku kedua selepas mengalami penguncupan pada lima suku tahun berturut-turut sebelumnya.

KDNK benar sepanjang 1999 dianggarkan meningkat 4.3 peratus berbanding penguncupan 7.5 peratus sepanjang 1998. Pasaran saham juga kembali aktif dengan indeks komposit meningkat sehingga ke tahap 953.96 mata pada 23

Januari 2000, manakala jumlah simpanan antarabangsa Bank Negara meningkat kepada RM117.3 bilion pada 31 Disember 1999, iaitu cukup untuk membiayai enam bulan import tertangguh.

Tidakkah kejayaan kerajaan memulihkan ekonomi negara ini berupa satu sumbangan besar kepada rakyat? Bukan saja keadaan ekonomi berjaya dipulihkan, malah keharmonian dan kestabilan negara dapat dipertahankan berbanding di negara jiran. Rakyat boleh berbangga kerana kerajaan tidak mengemis bantuan asing. Malangnya, sehingga hari ini sebahagian kelas menengah dan atasan Melayu dengan angkuh mempersoalkan kenapa mereka harus berterima kasih kepada kerajaan kerana menurut mereka sudah menjadi tugas kerajaan untuk memakmurkan rakyat.

(END)